

PM harap demokrasi dikembalikan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang terkejut dengan rampasan Kuasa di Thailand berharap negara itu segera diperintah semula kerajaan yang dipilili secara demokrasi..

"Apabila mendengarnya, saya terkejut dan tak sangka kejadian yang berlaku di Thailand.

Sebaik-baiknya perubahan (kerajaan) mesti melalui proses pilihan raya," katanya mengulas pergolakan terbaru di Thailand.

Abdullah bagaimanapun berkata, beliau difahamkan pihak yang ter-

babit dalam rampasan kuasa itu, memberi jaminan akan menyerahkan semula pemerintahan Thailand kepada kerajaan demokratik.

"Saya harap ini dapat dilakukan dengan cepat dan pilihan raya umum yang dicadangkan di negara itu juga diteruskan," katanya di sini, semalam.

Malam kelmarin, tentera yang menaiki kereta perisai mengambil alih beberapa bangunan strategik, di Bangkok sebelum mengumumkan pergantungan kerajaan dan perlembagaan negara itu, selain mengenakan undang-undang tentera ketika Perdana Menteriinya, Thaksin Shi-

nawatra, berada di sini bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB) ke-61, bermula semalam.

Abdullah berkata, beliau tidak sempat berjumpa Thaksin untuk mendapat maklum balas mengenai keadaan di negaranya.

Setakat ini, katanya kerajaan tidak mengeluarkan sebarang arahan menghalang rakyat memasuki negara jiran berkenaan.

"Kita sedang memantau situasi di Thailand. Kalau ada undang-undang tentera atau perintah berkurung atau pergaduhan, kita harap rakyat Ma-

laysia tidak pergi ke negara itu sehingga keadaan pulih," katanya.

Menjawab soalan sama ada rampasan kuasa itu akan meredakan keadaan di Selatan Thailand, Perdana Menteri berkata, beliau tidak boleh memberi komen sekarang dan Malaysia akan 'tunggu dan lihat' perkembangan di negara berkenaan.

Ditanya sama ada pergolakan di Thailand turut memberi kesan kepada mata wang negara, beliau berkata, ringgit tidak terjejas dan kalau adapun hanya membabitkan pertukaran dengan mata wang baht.